

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB USTAZ TARMIZI BIN SULAIMAN**  
**KAWASAN : SIK**  
**TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB USTAZ TARMIZI BIN SULAIMAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian Kerja Raya untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di lebuh raya dan jalan raya yang semakin teruk sejak kebelakangan ini terutamanya apabila musim perayaan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan prihatin tentang masalah kesesakan lalulintas terutamanya di musim-musim perayaan. Kesesakan ini adalah disebabkan oleh bilangan trafik yang luar biasa. Pelbagai tindakan proaktif telah dibuat bagi mengurangkan masalah kesesakan ini yang terdiri daripada tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang. Tindakan jangka pendek antara lainnya adalah dengan penghebahan jalan-jalan alternatif. Selain dari itu, Kerajaan sentiasa akan mengeluarkan arahan pemberhentian kerja penyenggaraan dan pembinaan dalam rizab Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri serta mengalihkan semua jentera/peralatan jauh dari bahu jalan di musim-musim perayaan.

Bagi memastikan kelancaran trafik, Kerajaan melalui JKR Daerah akan membuat penyelarasan di daerah masing-masing bersama Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memastikan pengurusan lalu lintas yang cekap semasa musim perayaan.

Pihak Kerajaan juga telah menyarankan supaya pihak pengguna lebuh raya/jalan raya memulakan perjalanan ke kampung secara berperingkat (*staggered departures*).

Manakala bagi penyelesaian jangka panjang, Kerajaan sentiasa mengenalpasti jalan-jalan yang perlu dinaiktaraf disebabkan oleh kesesakan. Untuk makluman Ahli yang berhormat, dalam RMK-11 sahaja sehingga kini, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 68 projek yang terdiri daripada projek menaiktaraf jalan sedia ada dan juga projek pembinaan jalan baru yang melibatkan peruntukan sebanyak RM18.32 bilion.

Sementara itu, bagi masalah kesesakan di lebuh raya pula, kementerian ini telah memperkenalkan penggunaan “*intelligent transport system*” (ITS), contohnya penggunaan RFID bagi pembayaran tol. Sebagai langkah jangka

panjang pula, Kerajaan bercadang untuk menggunakan sistem “*multi lane free flow*” (MLFF) di mana pengguna tidak lagi perlu berhenti atau memperlahangkan kenderaan mereka apabila tiba di sesebuah tol plaza dan dengan ini kesesakan teruk di plaza tol akan dapat dihapuskan.

Sekian, terima kasih.